Jalan Menghapuskan Pelacuran

"Memang di negeri-negeri kita ada pejabat-pejabat agamanya, sebab mengikut perlembagaan biarpun semasa kita dijajah hinggalah kita merdeka kelak, agama rasmi di negeri ini ialah Islam. Dalam pada itu janganlah kita lupa, agama kita meliputi segala segi tetapi kuasa yang ada pada pejabat-pejabat agama kita itu adalah kecil dan tak patut disalahkan. . ." Kuasa agama tidak akan dapat dijalankan menurut yang semestinya "Melainkan setelah kita bersama-sama bersatu kembali memperjuangkannya dalam barisan yang betul-betul dalam amal dan kata-katanya berdasarkan Islam. . ." kata Tuan Haji Muhammad Said, antara lain-lain dalam kupasannya mengenai "Jalan Menghapuskan Pelacuran" suatu penyakit masyarakat yang sedang merebak dan belum lagi mendapat ubatannya yang mujarab – P.Q.

(oleh: Haji Said Abdul Hadi)

Kalau susunan masyarakat bagaimana yang ada hari ini, hampir mustahil pelacuran dan persundalan dapat dihapuskan, sebab tenaga yang berikhtiar untuk meleburkan terlalu kecil dinisbahkan tenaga yang menggalakkan dan mendorong kearahnya.

Menangkap dan mendenda pelacur itu bukan satu ikhtiar yang dapat diharap untuk menghapuskan penyakit ini dari masyarakat kita, sekiranya tidak disertai dengan ikhtiar mencari punca-punca yang merubahkan akhlak itu untuk dibasmi sekali. Bererti kalau menangkap pelacur-pelacur dan menghukumnya dengan tidak bertindak ke atas sebab-sebabnya pelacuran itu kembang untuk dibasmi samalah ibarat membunuh nyamuk dan menamparnya walau sepanjang malam sepanjang bulan dan tahun tak nyamuk itu habis, kalau dibiarkan longkang-longkang lopak-lopak, parit-parit kotor serta sampah sarap bersepah yang menyebabkan nyamuk itu semakin banyak dan bertambah, apalagi banyak anak-anak yang bekerja pula membuat parit dan longkang untuk menambah kekotoran sudah tentu nyamuk akan bertambah juga.

Kalau seorang perempuan melacurkan diri kerana sara hidup semata-mata, nescaya apakala diberi mereka peluang hidup atau dapat jodoh dengan seorang yang sanggup memberinya tempat mescaya berakhirlah ia, tetapi kalau pelacuran dan persundalan kerana krisis akhlak takkan dapat diubah dengan memperbaiki nasihat sahaja tetapi hendak disertai dengan pemulihan akhlak dan pemulihan akhlak takkan dapat dijayakan sekiranya pihak kecil menarik ke jalan benar dan sebahagian yang besar masyarakat menganjurkan ke jalan salah tadi.

Apalah yang dihairankan dalam masyarakat yang arak jadi minuman istimewa, judi jadi mainan rasmi, buku-buku lucah majalah-majalahnya, gambar-gambar bogel, jadi iklan segenap perniagaan cerita-cerita yang penuh dengan pemandangan yang membakar nafsu, wanita menari tak pakai kain dan seluar lagi, umat-umat Islam

berduyun-duyun tua muda pergi menontonnya dan menganjurnya juga Islam, gambar-gambar kotor jadi perhiasan dinding rumah-rumah setengah tuan-tuan haji, tuan-tuan guru agama, orang tua-tua orang baik-baik turut menggantung juga, tidaklah kita hairan kalau di lorong ini ada sarangnya kerana di sana kita belajar teori dan di situ kita mencuba mempraktikkan.

Keseluruhannya kerosakan akhlak dan kerobohan moral anak-anak bangsa kita, pemuda pemudi Islam kita hari ini bukan lagi anjuran pihak asing atau dengan membuat tuduhan ke atas penjajahan sebab nampaknya didikan barat telah dapat nampak di hati kita semua keadaan kita sedang meneruskan kerja mereka untuk meleburkan akhlak anak-anak bangsa kita dengan tangan kita sendiri mengikut petua tuan-tuan kita yang kita benci kata lisan dan tulis tetapi kita cinta dalam amalan dan perbuatan.

Satu pihak dari kita tak berhenti-henti mengadakan rundingan mencari akal ikhtiar untuk membasmi pelacuran, setengah memutuskan kita tangkap katanya, kita denda, kita jel, kita pulaukan, kita hinakan, kita cukur rambutnya dan macam-macam lagi, semua telah kita cuba tetapi kesannya bukan makin kurang bahkan semakin bertambah, saya merasa kalau kita diberi kuasa membunuh mereka dan kita jalankan hukum itu, namun pelacuran dan persundalan tetap bertambah-tambah banyak juga lihatlah sendiri.

Saya berani mengatakan ikhtiar-ikhtiar kita akan sia-sia sahaja sekiranya ikhtiar-ikhtiar itu cuma meleburkan sebab (pelacur) walhal sebab dan punca-puncanya tidak kita leburkan sebaliknya kita pelihara. Apalah ertinya di sana berpuluh-puluh beratus-ratus ulama dan pemimpin-pemimpin kita mencari akal menghapuskan pelacuran, tetapi di sini beribu-ribu kita dengan suka ria mengunjurkan sebab-sebab dan membuka jalan ke arah itu, lihatlah di seluruh tanah air yang dicintai, dari timur ke barat dari utara ke selatan atas nama perjuangan kebangsaan mereka menganjurkan macam-macam ikhtiar untuk mencari wang melalu jalan-jalan salah, lihat taman hiburan, ditunjukkan berminggu-minggu lamanya bukan sahaja di bandar besar tetapi hingga ke tepi hutan, bukan sahaja di tengah kota , tetapi hingga di pinggir masjid, bukan sahaja oleh si jahil tetapi ada ulama nasional sanggup menaungnya, apa ada di taman-taman itu? Ada tarian ronggeng entah berapa fesyen, tarian barat, lawan pakaian, potongan badan, lawan hidung, lawan gigi, lawan bibir, lawan kaca mata, lawan pinggang ramping dan tumit merah dan macam-macam perlawanan lagi penuh sesak syukur Alhamdulillah anjuran kita berjaya! Kemudian apalagi ada di situ? Ada bola golek, ada main dadu, ada tikam rokok tikam itu tikam ini, lagi apa ada? Ada minuman keras, ada tarian tak pakai kain dan semua ada semua bagus sesuai dengan jiwa dan nafsu, apa ini bukan sebab banyaknya pelacuran dan persundalan? Dan mari kita tanya siapa penganjur? Anak-anak Islam. Alangkah murahnya untuk membangun sekecil benda kita sanggup meleburkan setinggi hak kita iaitu akhlak anak bangsa kita, di manakah Islam hendak menumpang berdiri kalau bangsa itu telah roboh akhlaknya? Bukankah Nabi kita mengatakan didirikan Islam atas ketinggian akhlak?

Saya berani mengatakan manusia yang tak mengakui adanya Tuhan mereka juga berparti dan berpolitik mereka tidak mencari wang partinya macam kita umat Tauhid dan umat Muhammad *ṣallāllahu ʿalaīhi wasalam*, mereka memunggut wang melalui ikhtiar-ikhtiar jauh lebih baik

dari ikhtiar kita yang sanggup untuk sejemput merugikan seguni itu.

Alangkah hairannya kita manakala satu hari nanti kita yang bersama-sama menganjurkan kerja-kerja salah tadi yang sama-sama membuat sebab-sebab pelacuran itu pergi pula bermesyuarat mencari akal sambil mengutuk-ngutuk pelacuran? Allahuakbar? Dan pandai pula kita menyalahkan orang lain walhal yang salah adalah bekas tangan kita sendiri, tidakkah ini satu kepalsuan atas agama bangsa dan negara kita.

Memang di negeri-negeri kita ada pejabat-pejabat agamanya sebab mengikut perlembagaan biarpun semasa kita dijajah hinggalah dimasa kita merdeka nanti iaitu agama rasmi di negeri ini ialah Islam. Dalam pada itu janganlah kita lupa agama kita Islam meliputi segenap segi tetapi kuasa yang ada pada pejabat agama kita itu adalah kecil dan tak patut disalahkan, sebab itulah biar pun negara kita ini diakui baginda King dan akan diakui baginda Queen agama rasminya Islam, tetapi tetap apa yang halal di London negara Kristian itu halallah di negeri kita sana - halal arak, di sini halal juga, sana halal judi di sini halal juga di sana halal itu di sini juga dan kalau di sana haram di sini haram begitulah seterusnya.

Sebab itu menyalahkan pejabat agama dalam perkara seumpama ini tidak patut, kerana kalau pejabat agama itu diibaratkan bomba dia cuma sanggup memadamkan kebakaran yang tak ada sengaja atau rumah terbakar, tetapi kalau semua kita beramai-ramai memain api beramai-ramai bermain Benzine, beramai-ramai membakar rumah sendiri manakala rumah hangus cuba menyalahkan pihak bomba adalah tidak kena tempatnya dan terlalu zalim jenayah bekas tangan kita dan salahnya kita lepaskan kepada orang lain.

Dari itu atas nama seorang Islam marilah kita bersama-sama menginsafi perkara ini, kita tanya diri kita sendiri, apa ada tidaknya kuasa di tangan kita menghapuskan segala punca-punca dan sebab banyaknya perkara itu dan mari kita tanya diri kita adakah hukum-hukum yang penuh di kepala alim ulama kita itu dapat diamalkan dalam masyarakat kita, kalau kita kata tidak barang mustahillah cita-cita Islam yang kita baca itu dapat berlaku melainkan setelah kita bersama-sama bersatu kembali memperjuangkan dalam barisan yang betul-betul dalam amal dan kata-katanya berdasarkan Islam kepada seluruh umat Islam hendaknya kalau tidak sanggup memperbaiki tetapi janganlah hendaknya kita jadi orang yang merosakkan masyarakat yang telah sedia rosak ini.

[Syor-syor yang didatangkan kepada sesuatu persidangan seperti yang dibawa oleh *Jami'ah al-da'wah al-Islamiyyah* itu baik, baik tujuannya dan baik maksudnya. Tetapi kalau yang demikian hanya syor sahaja dan tidak disertakan -bagaimana cara melaksanakannya dan siapa pula kelak yang bakal melaksanakannya maka syor itu tidak ada faedahnya selain daripada ribut-ribut sahaja. Kerana itu semolek-moleknya di dalam tiap-tiap persidangan itu jangan banyak membuat syor kalau syor-syor itu tidak dapat dilaksanakan_P.Q.]

UNTUK ANGGOTA-ANGGOTA IKHWAN

Adalah dimaklumkan, bahawa segala kiriman berkenaan pendaftaran Ikhwan atau pesanan buku dan majalah hendaklah dialamatkan kepada "Pengelola Ikhwan". Jangan dialamatkan kepada nama batang tubuh, supaya mudah diuruskan dan segera dikirimkan.

Harap maklum - P.Q.